

KUNJUNGAN BALAS UNIVERSITAS JENDERAL SOEDIRMAN (UNSOED), INDONESIA KE UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

UniMAP telah menerima satu lagi kunjungan daripada Negara jiran, Indonesia iaitu daripada Universitas Jenderal Soedirman (UNSOED). Mereka terdiri daripada tiga pensyarah iaitu Dr. Nurul Anwar, Dr. Kusbiyanto dan Bapak Agung Pratapa dan 14 orang pelajar terpilih dari UNSOED.

Lawatan^o ini adalah timbal balas dari kunjungan UniMAP ke UNSOED pada tahun lepas oleh Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato'Prof. Dr Kamarudin Hussin. Dalam pertemuan dengan Naib Canselor UniMAP, mereka telah membincangkan peluang kerjasama yang boleh dijalankan dan juga mendapat maklumat berkaitan aktiviti atau kegiatan mahasiswa/i di UniMAP. 14 orang pelajar dari UNSOED bersama dengan 3 orang pensyarah mereka juga turut diraikan oleh Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP dalam satu jamuan yang diadakan di Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis.

